

13/04/2000

Kazan Helicopters tawar gabungan teknologi

KAZAN Helicopters menawarkan gabungan teknologi Russia and Barat kepada Malaysia, sebagai sebahagian pakej pembelian helikopter pelbagai guna Mi-17.

Pegawai kanan Kazan Helicopters ketika ditemui mengesahkan syarikat itu sedang berbincang dengan Kementerian Pertahanan berhubung cadangan pemerolehan helikopter Mi-17 untuk Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Pengarah Pemasaran Kazan, Valery Pashko, berkata perbincangan menjurus kepada spesifikasi diperlukan oleh TUDM sebelum sebarang kontrak rasmi ditandatangani.

Beliau berkata, antara aspek yang sedang dikaji termasuk penggabungan sistem avionik Barat dengan peralatan Russia bagi membolehkan helikopter itu berdaya maju dan tidak membebankan TUDM dari segi teknikal dan kewangan.

"Helikopter berkenaan mampu menerima sebahagian besar sistem Barat dan Russia, termasuk persenjataan, yang digunakan oleh TUDM.

"Memandangkan Kementerian Pertahanan juga sedang mengkaji Mi-17 untuk menggantikan Nuri, helikopter berkenaan juga perlu mampu melakukan pelbagai tugas seperti angkut barangan, tentera dan perubatan," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Semalam, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak mengumumkan pembelian 10 helikopter Mi-17 untuk menggantikan S-61 Nuri.

Kini, Jabatan Bomba dan Penyelamat menggunakan dua helikopter Mi-17.

Minat Malaysia terhadap helikopter itu meningkat berikutan lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pusat pengeluaran helikopter berkenaan di Ulan Ude.

(END)